

**TEKS VERBATIM: MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA
KONVENSYEN KONGRES TRITAHUNAN CUEPACS KE-30 (SESI
2025-2028)**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : WORLD TRADE CENTRE (WTC), KUALA LUMPUR

Date : 10/12/2025

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA KONVENSYEN

KONGRES TRITAHUNAN CUEPACS KE-30

(SESI 2025-2028)

10 DISEMBER 2025 (RABU) | 8.00 MALAM

WORLD TRADE CENTRE (WTC), KUALA LUMPUR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Sejahtera.

Alhamdulillahillazi anzala ala abdihil kitaba

walam yaj'allahu wa iwaja wa salli wa sallimu ala rasulihil karim

Wa ala alihi wa sahabihi ajma'in

Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar

Ketua Setiausaha Negara,

Yang Berbahagia Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Adnan bin Mat

Presiden CUEPACS,

Timbalan-timbalan Presiden,

Rakan-rakan yang saya muliakan termasuk mantan-mantan pimpinan.

1. Malam ni cukup melegakan. Inilah satu-satu majlis yang Presiden yang tak minta apa-apa. Aduh, luar biasa pak! (dengan nada berseleroh). Dan cetusan, kenyataan yang dari hati, ikhlas dan tentunya mengesankan saya dan rakan-rakan KSN, KPPA dan seluruh jentera JPA yang bertungkus lumus bekerja untuk menyiapkan sistem saraan baru yang mendapat sambutan yang begitu baik di kalangan penjawat awam keseluruhannya.
2. Saya tahu sebagian besar saudara datang nak dengar Jamal Abdillah. Saya pun dengar, dua round tak puas. Ada lagi ke? Tapi. Yang saya nanti text kat Azizah, dia Azura jadi Azizah (dengan nada berseleroh).
3. Baik, satu hal yang ditekankan oleh Datuk Haji Adnan tadi ialah tentang sikap dan peranan kita. Kita catat banyak kemajuan, banyak lagi kelemahan yang harus kita perbaiki dan seperti biasa, sebagai seorang yang punya keyakinan, seorang Muslim umpamanya, dia sentiasa cuba i'tiqan fil amal, sentiasa striving for excellence.

4. Tetapi saya nak sebut di sini kerana ramai juga yang menyatakan rasa terharu, kagum atas kejayaan-kejayaan kita. Sidang ASEAN-GCC, ASEAN baru-baru ini dan kunjungan kita ke luar negara, orang melihat Malaysia ini sebagai negara yang punyai potensi dari segi pelaburan, teknologi baru, AI dan sebagainya.
5. Tapi kadang-kadang orang lupa, ini berlaku kerana kerja kita sebagai satu pasukan dari penjawat awam yang serendah-rendahnya, yang membersihkan tempat, yang menyediakan kelengkapan, yang bertugas di barisan hadapan sehinggalah penjawat-penjawat awam peringkat tertinggi dan barisan Jemaah Menteri. Kita bersyukur kepada Allah s.w.t kerana kita punyai semangat bekerja sebagai pasukan mantap untuk mengangkat martabat negara kita.
6. Sebab itu dalam merangka sistem saraan umpamanya, saya tidak pernah tinggal dan Tan Sri Wan Dahlan tahu dan Presiden Adnan dan juga Saudara Tan Sri Shamsul Azri. Dalam mesyuarat-mesyuarat kita, kita bicara yang tentunya memberi sumbangan dari serendah-rendahnya.
7. Dan ini yang dikatakan MADANI. Kalau tidak slogan ihsan, prihatin, rahmah itu menjadi slogan. Tetapi untuk menterjemahkannya kepada bentuk-bentuk amal ialah memastikan keluarga kita, keluarga besar penjawat awam dari peringkat serendah mungkin, itu diberi perhatian dan diberi pertimbangan ganjaran yang seadil mungkin. Itu dasar MADANI sekarang. Dan tentunya saya hadir malam ini sekadar menyatakan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada saudara-saudara.

8. Orang melihat tentunya prestasi Perdana Menteri, tetapi orang lupa bahawa prestasi itu baik atau lemah banyak bergantung kepada kekuatan termasuk dan terutamanya kekuatan penjawat awam. Selain itu, tentulah harapan kita menggunung kerana kita telah agak ketinggalan berapa tahun; politiknya terombang-ambing, dasarnya tidak jelas, dan kadang-kadang kita terkenal dalam isu-isu yang melemah longlaikan sendi, nadi kekuatan negara.
9. Jadi, sebab itu kita harus kejar dengan lebih dan pantas, dan saya sekali lagi lah menyeru rakan-rakan untuk terus, kepada Presiden, saya ucap terima kasih. Walaupun dalam ucapan itu nampak sederhana, tetapi dalam mesyuarat waduh, Tanyalah KPPA. Itu tidak kena, ini tidak kena, ini minta, itu tidak minta, ha itu baru Presiden CUEPACS.
10. Kalau presiden-presiden kesatuan sekerja ni lembik sahaja, sokong saja, tak jadi. Tetapi hebatnya ialah ada tempatnya, ada tempat dia tuntutan, ada tempat dia curahkan rasa penghargaan dan terima kasih. Saya salute.
11. Konvensyen ini berjalan tiga (3) hari, dan saya tentunya akan ikuti rumusan yang akan disampaikan. Tetapi oleh kerana tidak dimohon apa-apa, **saya setuju untuk membantu perjalanan konvensyen, memberikan tambahan sumbangan setengah juta ringgit.**

12. Saya ingat Dato' Dr. Haji Adnan ini, beliau tahu psikologi bagaimana nak menawan hati Perdana Menteri. Dia buat selamba sahaja, malam ni kita nak terima kasih, tidak ada apa-apa tetapi nampak nada dia tu ada sedih sedikit.
13. Tetapi saya ikhlas. Tidak ada permohonan, tidak ada bisikan, tidak ada rasa minta, dan inilah kenyataan saya sebagai satu penghargaan kepada CUEPACS dan rakan-rakan persatuan yang ada.
14. Semoga Allah memberikan kekuatan kepada kita melonjakkan negara ini sebagai cita-cita kita bersama, menjadikan Malaysia itu terangkat martabatnya sebagai negara hebat.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/en/speeches-en/teks-verbatim-majlis-makan-malam-sempena-konvensyen-kongres-tritahunan-cuepacs-ke-30-sesi-2025-2028/>